

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23 SEPTEMBER 2016

# 'Atlet paralimpik ikon rakyat Malaysia'

BH-23/9/2016

→ PM sifatkan tiga emas, satu gangsa diraih di Rio kejayaan luar biasa

Oleh Zanariah Abd Mutalib,  
Jumiat Rosly  
dan Syafiq Anzan  
bhnews@bh.com.my

✦ Sepang

**D**atuk Seri Najib Razak mahu kisah kejayaan kontinjen paralimpik negara di Rio dijadikan rangsangan untuk rakyat Malaysia berdiri lebih tinggi dan bangga serta berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh.

Perdana Menteri yang menyertai lebih 1,000 rakyat Malaysia menyambut ketibaan kontinjen berkenaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini semalam, berkata atlet paralimpik membuktikan kejayaan mampu dicapai di pentas dunia jika ada keazaman, iltizam dan kemahuan.

Terdahulu, kontinjen negara

yang diketuai Dr Ang Kean Koo disambut dengan 'water salute' se-jurus pesawat dari Dubai yang dinaiki mereka selamat mendarat di KLIA pada jam 3.14 petang. Mereka kemudian dibawa menaiki dua bas khas ke Kompleks Bunga Raya.

Dalam ucapannya pada majlis berkenaan yang turut dihadiri Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, Najib mahu atlet terabit dijadikan ikon kepada semua rakyat Malaysia.

## Beri ganjaran sama

"Jika mereka yang ada kekurangan diri (boleh berjaya), kita yang cukup sifat juga, jika ada kesungguhan yang lebih hebat, pencapaian kita juga boleh jadi luar biasa," katanya yang turut mengumumkan keputusan kerajaan memberi ganjaran sama kepada atlet paralimpik seperti diterima atlet Olimpik.

Yang hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Penaung Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), Tun Jeanne Abdullah dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi serta Presiden MPM, SM Nasaruddin SM Nasimuddin.

Atlet Malaysia yang menang pingat emas di Sukan Paralimpik Rio 2016 ialah Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi bagi acara lari 100 meter, Muhammad Ziyad Zolkefli (lontar peluru) dan Abdul Latif Romly (lompat jauh), manakala Siti Noor Radiah Ismail menang pingat gangsa bagi acara lompat jauh wanita.

Berikutan pengumuman insentif oleh Perdana Menteri itu, Mohamad Ridzuan, Muhammad Ziyad dan Abdul Latif akan menerima RM1 juta bersama pencen RM5,000 sebulan, manakala Siti

Noor Radiah diberi tambahan insentif RM100,000, menjadikan jumlah keseluruhan RM200,000 bersama pencen RM2,000 sebulan.

"Bila tengok pencapaian mereka, kita begitu terangsang sebagai rakyat: Kita terangsang bila mereka capai kejayaan luar biasa dan menyalutkan badan dengan Jalur Gemilang, meremang bulu roma apabila *Negaraku* berkumandang.

"Ini cerita di sebalik kejayaan mereka dan jadikan mereka contoh serta 'role model' kepada kita," kata Perdana Menteri yang tidak lupa merakamkan penghargaan kepada Jeanne atas kepeimpinannya di MPM dan turut mengumumkan ganjaran juga akan diberikan kepada jurulatih yang membimbing pemenang pingat.